



*Memo*  
**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
**MALAYSIAN RUBBER BOARD**

**Kepada** : Semua Anggota LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/BPPKS/UPSM/0047  
**Tarikh** : 7 Februari 2018

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
BILANGAN 5 TAHUN 2018**

**PENGELUARAN SURAT JAMINAN BAGI RAWATAN PERUBATAN  
DI INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN BHD (IJNSB)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Adalah dimaklumkan semua surat jaminan (*Guarantee Letter*) bagi tujuan rawatan perubatan ke Institut Jantung Negara Sdn Bhd. hendak diperolehi **daripada Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) sahaja**. Ini bagi memastikan kemudahan peraturan dipatuhi mengikut tatacara berikut:-
  - (i) Mendapat rawatan di Hospital Kerajaan atau swasta;
  - (ii) dirujuk oleh Pakar Perubatan Umum (*Physician*)/ Pakar Kardiologi di hospital/ klinik Kerajaan atau swasta untuk ke IJNSB; dan
  - (iii) mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam 'Panduan Mengenai Kemudahan Di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) Bagi Pelbagai Golongan Pesakit Di Bawah Tanggungan Kerajaan Persekutuan - Kemudahan Perubatan Bagi Pegawai Kerajaan' sebagaimana edaran melalui surat Kementerian Kesihatan Malaysia bil. (68) dlm.KKM.203/30 Bhg. 5 bertarikh 16 September 1997; dan
3. Pengecualian diberikan bagi rawatan yang diperlukan **secara serta-merta/ rawatan kecemasan dan tidak boleh dilengahkan bagi meyelamatkan nyawa pesakit (*life-threatening*), serta mendapat perakuan daripada doktor pakar dalam bidang kecemasan (Pakar perubatan Kecemasan) dari hospital/klinik Kerajaan atau swasta yang merujuk pesakit terus ke IJNSB untuk rawatan segera.**
4. Kenyataan ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian dimaklumkan. terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**'KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF'**

  
(NURUL HUDA ABDUL HAMID)